



# جَابَتِن مُفْتِي نِجْرِي قَيْرَاق دَارُ الرِّضْوَانِ

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK  
TINGKAT 6, JALAN BASCO KEPAYANG 1,  
BASCO AVENUE, 31400 IPOH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Mufti : 05-2424120  
Pej. Am : 05-2545332  
Faks : 05-2419694  
Laman Web : <http://mufti.perak.gov.my>

Ruj. Kami: MN.PK.A351.IST/10/3 JLD 3 ( 9 )

Tarikh: 21 Syawal 1447H

10 April 2026M

## PARA PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR (AGAMA ISLAM) NEGERI PERAK

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

### BORANG SAGUHATI BAGI PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR (AGAMA ISLAM) NEGERI PERAK TAHUN 2026

Dengan segala hormat dan takzimnya, didoakan semoga Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam pemeliharaan Allah SWT dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran Saguhati Pemegang Tauliah Mengajar (Agama Islam) Negeri Perak bagi tahun 2026 akan dibayar kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang layak mengikut syarat dan peraturan yang ditentukan seperti yang dinyatakan dalam Borang Saguhati Pemegang Tauliah Mengajar (Agama Islam) Negeri Perak.

3. Bersama ini disertakan **BORANG SAGUHATI PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR (AGAMA ISLAM) NEGERI PERAK TAHUN 2026** dan butiran **mengajar** untuk diisi oleh pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan. Borang saguhati tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap permohonan hendaklah disertakan borang yang telah lengkap dan dikepikan bersama:

- i) Salinan Kad Pengenalan yang telah **\*disahkan**.
- ii) Salinan No. Akaun Bank/Pengesahan No. Akaun Bank yang telah **\*disahkan**.
- iii) Salinan Sijil Perakuan Penetapan Tempoh Sah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Perak yang telah **\*disahkan**.

(\*Salinan dokumen boleh disahkan oleh Majikan, Guru Besar/Pengetua @ mana-mana Pegawai Gred 9 ke atas)


4. Borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah dihantar ke Jabatan Mufti Negeri Perak **sebelum atau pada tarikh 12/6/2026 (Jumaat)**. Permohonan yang lewat diterima dari tarikh ini **tidak akan dipertimbangkan**. Pembayaran bagi yang memenuhi syarat akan dilakukan

mulai bulan Julai 2026. Kerjasama dan keprihatinan daripada Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan *jazakumullahu khairal jaza'*.

Sekian, wassalam.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)  
Timbalan Mufti  
b.p. - Mufti Negeri Perak  
Darul Ridzuan

s.k. – Fail timbul